

21/04/1997

Pas ambil sikap berdiam diri

Veena Rusli

MACHANG, Ahad - Pas mengambil sikap berdiam diri dan melihat perkembangan seterusnya dalam usaha meredakan ketegangan yang timbul berikutan isu perbezaan dasar parti itu dan Umno.

Menteri Besar, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat, mengibaratkan keadaan itu sebagai masalah rumah tangga yang perlu diselesaikan secara rasional.

"Keadaan kalau sedang panas, tak perlu dibela kerana isteri yang bijak akan senyap apabila mengetahui suaminya sedang berang.

"Ini kerana dia (isteri) yakin anak-anak akan tahu siapa yang benar dan siapa yang salah," katanya kepada pemberita ketika ditemui, di Markas Pas Pulau Chondong dekat sini, hari ini.

Bagaimanapun, beliau yang juga Mursyidul Am Pas, enggan mengulas lanjut.

Semalam, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, menyifatkan Pas lebih mirip sebagai parti kedaerahan yang sempit dan tergelincir daripada perjuangan berlandaskan kehendak Islam.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas kenyataan Nik Aziz yang mendakwa, Pas sukar menjalin hubungan politik dengan Umno berikutan dasar kebangsaan yang menjadi landasan perjuangan parti itu, berbanding dasar Islam amalan Pas.

Bagaimanapun, Dr Mahathir menganggap Pas juga adalah parti nasionalis kerana hanya bergerak di Malaysia dan tidak ke negara Islam lain seperti Afghanistan, Filipina serta Palestin.

(END)